

## **FIQH KESEJAHTERAAN DAN TOLERANSI: KAJIAN TERHADAP PENGARUH UNDANG-UNDANG SYARIAH DALAM MEWUJUDKAN KESEJAHTERAAN UMMAH**

### **FIQH OF WELFARE AND TOLERANCE: A STUDY ON THE INFLUENCE OF SHARIAH LAW IN ACHIEVING THE WELFARE OF THE UMMAH**

**Mohd Yusri bin Ibrahim**

Ph.d (Syariah) UPSI

*Pusat Tingkatan 6, SMKA Kerian*

[yusriibrahim5603@gmail.com](mailto:yusriibrahim5603@gmail.com)

#### **ABSTRAK**

Fiqh kesejahteraan merujuk kepada penerapan prinsip-prinsip Islam yang bertujuan untuk memastikan kesejahteraan individu dan masyarakat melalui keadilan, kesetaraan, dan keharmonian sosial. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh undang-undang syariah dalam memupuk kesejahteraan ummah, dengan penekanan khusus kepada prinsip toleransi antara agama. Fiqh kesejahteraan berperanan dalam membentuk masyarakat yang adil dan inklusif dengan memberikan hak yang sama kepada setiap individu tanpa mengira latar belakang agama, budaya, dan etnik. Dalam konteks ini, undang-undang syariah menggalakkan penghormatan terhadap perbezaan agama dan memastikan keadilan sosial melalui sistem kewangan Islam, pengagihan harta, serta perlindungan hak asasi. Kajian ini juga turut menyingkap cabaran-cabaran dalam menerapkan fiqh kesejahteraan dalam masyarakat moden dan majmuk, terutamanya dalam konteks pengurusan sosial dan toleransi beragama. Walaupun menghadapi cabaran, fiqh kesejahteraan tetap menjadi panduan penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada bahan ilmiah dan dokumen yang relevan untuk menganalisis pengaruh fiqh dalam kesejahteraan sosial. Hasil kajian mendapati bahawa fiqh kesejahteraan memberi sumbangan penting dalam memupuk keharmonian sosial dan toleransi beragama di kalangan masyarakat. Kesimpulannya, Fiqh kesejahteraan dan toleransi dapat membantu masyarakat dan negara dalam pembangunan negara terutama berkaitan semangat perpaduan dalam kalangan penduduknya.

Kata kunci: fiqh kesejahteraan, toleransi beragama, undang-undang syariah, keadilan sosial, masyarakat majmuk

#### **ABSTRACT**

Fiqh of welfare refers to the application of Islamic principles aimed at ensuring the well-being of individuals and society through justice, equality, and social harmony. This study aims to examine the influence of Sharia law in promoting the welfare of the ummah, with a particular emphasis on the principle of interfaith tolerance. Fiqh of welfare plays a role in creating a fair and inclusive society by providing equal rights to every individual, regardless of religious, cultural, and ethnic backgrounds. In this context, Sharia law encourages respect for religious differences and ensures social justice through Islamic financial systems, wealth distribution, and the protection of human rights. This study also highlights the challenges of applying the fiqh of welfare in a pluralistic modern society, especially in the context of social management and interfaith tolerance. Despite facing challenges, fiqh of welfare remains an important guide in shaping a harmonious and prosperous society. The study uses a qualitative approach, referencing scholarly materials and relevant documents to analyze the influence of fiqh in social welfare. The findings of the study show that fiqh of welfare significantly contributes to fostering social harmony and interfaith tolerance among communities. In conclusion, the fiqh

of well-being and tolerance can assist society and the nation in national development, particularly in fostering a spirit of unity among its people.

Keywords: fiqh of welfare, interfaith tolerance, shariah law, social justice, pluralistic society

## **1.0 Pengenalan**

Fiqh kesejahteraan merujuk kepada prinsip-prinsip dalam hukum Islam yang bertujuan untuk memastikan kesejahteraan individu dan masyarakat iaitu menggabungkan nilai-nilai keadilan, kemakmuran, dan kesejahteraan dalam semua aspek kehidupan, dari sosial hingga ekonomi. Konsep ini berpaksikan kepada penerapan prinsip syariah yang menekankan pentingnya kesejahteraan umum melalui pengurusan hak asasi, keadilan sosial, dan perlindungan terhadap golongan yang kurang bernasib baik. Undang-undang syariah tidak hanya mengatur hubungan spiritual antara hamba dengan pencipta iaitu Allah, tetapi juga mengatur hubungan sosial dalam masyarakat, menjadikannya asas yang kukuh dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni, aman, dan sejahtera. Fiqh kesejahteraan memberi panduan mengenai cara-cara menstrukturkan masyarakat supaya dapat hidup dalam keadaan sejahtera dan saling hormat menghormati, berdasarkan prinsip keadilan dan kebaikan untuk semua pihak yang berfungsi sebagai asas untuk menciptakan kesejahteraan sosial yang lebih adil dan saksama (Al-Qaradawi, 1999).

Toleransi beragama, budaya, dan sosial adalah komponen penting dalam memastikan kesejahteraan ummah. Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, yang terdiri daripada pelbagai agama, etnik, dan budaya, pengamalan toleransi yang berterusan adalah sangat penting untuk mencipta keharmonian dalam masyarakat. Toleransi beragama mengutamakan penghormatan terhadap kebebasan agama setiap individu, tanpa memaksa mereka untuk mengubah kepercayaan mereka. Dalam konteks ini, undang-undang syariah berperanan penting dalam memastikan toleransi berlaku, dengan prinsip-prinsip yang diterapkan dalam fiqh yang menggalakkan sikap hormat menghormati dan kerjasama antara penganut agama yang berbeza. Islam mengajarkan bahawa hidup dalam masyarakat yang pelbagai kaum dan agama memerlukan sikap keterbukaan dan pengiktirafan terhadap hak setiap individu untuk mengamalkan agamanya dengan bebas. Oleh itu, toleransi dalam konteks fiqh bukan sahaja penting untuk keharmonian sosial tetapi juga merupakan aspek penting dalam mewujudkan masyarakat yang aman dan sejahtera (Abdurrahman, 2015).

Fiqh kesejahteraan dan toleransi beragama juga dihubungkan secara langsung dengan nilai-nilai yang terkandung dalam ajaran Islam mengenai hak asasi manusia dan kebebasan. Prinsip ini bukan sahaja memberikan keadilan kepada individu, tetapi juga menyarankan bahawa masyarakat harus berusaha untuk hidup bersama dengan perbezaan dan hormat menghormati antara satu sama lain. Islam mengajarkan bahawa masyarakat yang sejahtera adalah masyarakat yang dapat mengatur perbezaan dengan cara yang membina, di mana hak dan kebebasan setiap individu dihormati. Dalam hal ini, pengamalan fiqh kesejahteraan dan toleransi beragama membantu membentuk masyarakat yang tidak hanya bebas dari konflik, tetapi juga berusaha untuk menghargai setiap orang sebagai individu yang unik, dengan latar belakang agama, budaya, dan etnik yang berbeza (Nasir, 2018).

Penerapan nilai-nilai syariah yang mendorong keharmonian dan toleransi beragama dalam kehidupan sosial bukan sahaja berfungsi untuk menjaga kestabilan dalam masyarakat, tetapi juga untuk memperkukuh perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Dalam negara seperti Malaysia, yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan agama, penerapan fiqh yang menekankan nilai kesejahteraan dan toleransi dapat menjamin keharmonian sosial dan membentuk masyarakat yang hidup dalam keadaan aman dan saling menghormati. Oleh itu, untuk mencapai kesejahteraan yang sebenar, adalah penting untuk memastikan bahawa prinsip fiqh kesejahteraan diterapkan dengan penuh kesedaran dan kefahaman dalam kalangan masyarakat (Al-Nawawi, 2016).

Secara keseluruhannya, fiqh kesejahteraan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Toleransi beragama yang diterapkan melalui prinsip syariah berperanan dalam mencipta keharmonian sosial, terutama dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Pendekatannya yang menekankan hak asasi, keadilan, dan penghormatan terhadap kebebasan agama, fiqh kesejahteraan diharapkan dapat membantu mewujudkan masyarakat yang tidak hanya aman, tetapi juga penuh dengan penghargaan terhadap perbezaan yang wujud antara individu.

## **2.0 Fiqh Kesejahteraan dalam Konteks Syariah**

Fiqh kesejahteraan dalam konteks syariah merujuk kepada penerapan prinsip-prinsip hukum Islam yang bertujuan untuk memastikan kesejahteraan individu dan masyarakat dalam segala aspek kehidupan, baik dari segi kerohanian, sosial, ekonomi, mahu pun politik. Fiqh ini tidak hanya mengatur hubungan manusia dengan Allah S.W.T, tetapi juga merangkumi hubungan antara individu dalam masyarakat. Fiqh kesejahteraan memberi perhatian khusus kepada hak asasi manusia, keadilan sosial, perlindungan terhadap golongan yang lemah, serta pembentukan masyarakat yang sejahtera dan harmoni. Syariah, sebagai sistem hukum yang komprehensif, menetapkan garis panduan untuk memastikan semua anggota masyarakat dapat hidup dalam keadaan yang adil dan sejahtera. Ia menekankan prinsip keadilan, kemakmuran, dan perlindungan terhadap hak-hak asasi setiap individu tanpa sebarang diskriminasi (Al-Qaradawi, 1999).

Fiqh kesejahteraan dalam syariah turut melibatkan aspek *muamalat* (hubungan sosial), di mana Islam menggariskan peraturan mengenai ekonomi, kewangan, perniagaan, dan pendidikan, dengan tujuan memastikan tiada pihak yang tertindas atau dizalimi. Dalam hal ini, zakat dan sedekah adalah instrumen penting dalam memastikan kesejahteraan sosial tercapai. Hukum syariah juga menekankan pentingnya menjaga keharmonian sosial melalui prinsip-prinsip seperti adil, tolong-menolong, dan saling hormat menghormati antara satu sama lain, yang boleh dijadikan asas untuk pembentukan masyarakat yang sejahtera dan tanpa konflik. Oleh itu, fiqh kesejahteraan dalam konteks syariah bertujuan untuk memastikan kestabilan sosial dengan memelihara hak-hak setiap individu dalam masyarakat, serta menggalakkan berlakunya interaksi yang harmoni dan saling hormat menghormati antara sesama manusia (Kamali, 2008).

## **3.0 Fiqh Toleransi dalam Hubungan Antara Agama**

Fiqh toleransi dalam hubungan antara agama pula merujuk kepada prinsip-prinsip dalam syariah yang mengatur interaksi antara penganut pelbagai agama dengan

tujuan untuk mewujudkan keharmonian dan saling menghormati. Islam sebagai agama yang mengiktiraf kepelbagaian agama mempunyai prinsip-prinsip yang jelas mengenai toleransi dan interaksi antara penganut agama yang berbeza. Salah satu konsep utama dalam fiqh toleransi adalah penghormatan terhadap kebebasan agama dan hak setiap individu untuk mengamalkan agama mereka tanpa paksaan atau diskriminasi. Dalam konteks ini, fiqh toleransi mendorong sikap saling hormat, penerimaan, dan kerjasama antara penganut agama yang berbeza untuk membina masyarakat yang aman dan sejahtera.

Menurut al-Qur'an, Islam mengajarkan bahawa tiada paksaan dalam beragama (Surah Al-Baqarah, 2:256), yang bermaksud setiap individu berhak memilih dan mengamalkan agama mereka dengan bebas. Fiqh toleransi menggariskan bahawa umat Islam harus berinteraksi dengan penganut agama lain dengan cara yang baik, berdasarkan prinsip keadilan dan kasih sayang. Dalam konteks ini, hubungan antara penganut agama Islam dan agama lain boleh terjalin melalui saling menghormati dan bekerjasama dalam perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Dalam sejarah Islam, terdapat contoh bagaimana Rasulullah S.A.W mengamalkan toleransi terhadap penganut agama lain, seperti dalam perjanjian dengan masyarakat Yahudi di Madinah yang membolehkan mereka mengamalkan agama mereka dan hidup dalam kepelbagaian masyarakat dengan aman dan harmoni (Ibn Hajar, 2002).

Fiqh toleransi juga mengajar bahawa setiap agama mempunyai kebenaran dan kedudukan yang tersendiri, yang perlu dihormati. Toleransi ini bukan bermakna persetujuan atau pemahaman terhadap agama lain, tetapi ia lebih kepada penghormatan terhadap hak orang lain untuk beragama, tanpa mengganggu kebebasan mereka. Dengan adanya prinsip toleransi ini, fiqh dapat memainkan peranan penting dalam mengurangkan ketegangan dan konflik antara penganut agama yang berbeza, serta memperkuat hubungan antara komuniti dalam masyarakat yang majmuk. Dalam konteks negara-negara seperti Malaysia, di mana pelbagai agama wujud dalam satu negara, fiqh toleransi memainkan peranan penting untuk memastikan keharmonian dan kestabilan sosial dapat dicapai (Kamali, 2008).

#### **4.0 Pengaruh Undang-Undang Syariah dalam Mewujudkan Kesejahteraan Sosial: Kajian di Malaysia**

Di Malaysia, undang-undang syariah berperanan penting dalam mewujudkan kesejahteraan sosial, terutamanya dalam konteks masyarakat yang majmuk, yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama. Sistem undang-undang yang berbentuk *dual*, iaitu undang-undang sivil dan undang-undang syariah terdapat di Malaysia. Undang-undang syariah di Malaysia terpakai kepada umat Islam dalam perkara-perkara asas seperti perkahwinan, warisan, perceraian, dan sebagainya. Namun, prinsip-prinsip syariah juga memberi impak yang lebih luas dalam memastikan keharmonian sosial antara pelbagai kaum dan agama, terutamanya dalam menggalakkan keadilan sosial dan membina masyarakat yang inklusif (Ahmad, 2007).

Salah satu contoh yang jelas adalah peranan zakat dalam mengurangkan kemiskinan dan ketidakseimbangan sosial. Zakat, sebagai salah satu daripada Rukun Islam, diwajibkan kepada setiap individu Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu, dan ia adalah instrumen yang amat penting dalam mengagihkan kekayaan kepada golongan yang memerlukan. Di Malaysia, agensi seperti Lembaga Zakat Negeri (LZN) setiap

negeri bertanggungjawab untuk menguruskan kutipan dan pengagihan zakat kepada asnaf yang layak, termasuk fakir, miskin, anak yatim, dan asnaf yang memerlukan bantuan. Melalui sistem zakat ini, Malaysia dapat mengurangkan jurang kemiskinan dan memberikan bantuan kewangan kepada golongan yang kurang bernasib baik dalam masyarakat, sekaligus membantu mewujudkan kesejahteraan sosial(Nik Mustapha, 2001).

Selain itu, undang-undang syariah di Malaysia turut menyentuh aspek hak asasi manusia, khususnya berkaitan dengan hak golongan wanita. Undang-undang syariah Malaysia menyediakan perlindungan kepada golongan wanita dalam isu-isu berkaitan perkahwinan, perceraian, dan warisan. Contohnya, Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 memberi perlindungan kepada wanita Islam dalam perkahwinan dan perceraian dengan memastikan hak mereka dilindungi, seperti hak untuk mendapat nafkah selepas perceraian dan hak penjagaan anak. Dalam isu warisan, hukum fiqh membahagikan harta warisan dengan adil, memberikan bahagian yang jelas kepada ahli keluarga, tanpa ada pihak yang tertindas. Peraturan ini memberi perlindungan kepada wanita dan mengurangkan ketidakseimbangan gender dalam pembahagian harta pusaka (Kamali, 2008).

Undang-undang syariah Malaysia juga turut memainkan peranan penting dalam menjaga keharmonian antara penganut pelbagai agama di negara ini. Walaupun Malaysia adalah negara yang majoritinya ialah penganut agama Islam tetapi juga mempunyai bilangan masyarakat bukan Islam yang besar. Prinsip toleransi dalam syariah, seperti yang diterangkan dalam al-Qur'an, menggalakkan umat Islam untuk hidup dalam keharmonian dan saling hormat menghormati dengan penganut agama lain. Contoh yang baik dalam konteks ini adalah penerapan prinsip "budaya hormat-menghormati" dalam pendidikan dan aktiviti sosial. Program-program silang budaya yang dianjurkan oleh kerajaan dan agensi-agensi tertentu juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan toleransi antara kaum, serta memupuk hubungan yang baik antara penganut pelbagai agama. Pendekatan ini juga menyumbang kepada mewujudkan suasana yang aman dan harmoni dalam kalangan masyarakat(Kamali, 2008).

Selain itu, penguatkuasaan undang-undang syariah mampu memperkukuhkan ketenteraman awam melalui program-program pencegahan jenayah dan kesedaran moral. Malaysia mempunyai pelbagai agensi penguatkuasa seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di setiap negeri yang memantau dan memastikan setiap individu Islam mematuhi ajaran Islam dalam aspek kehidupan mereka termasuklah memantau aktiviti-aktiviti yang mungkin menimbulkan ketegangan sosial atau perpecahan dalam masyarakat, serta menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah yang menggalakkan penerimaan sosial dan kesejahteraan (Kamali, 2008).

Secara keseluruhannya, undang-undang syariah di Malaysia memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk kesejahteraan sosial melalui pelbagai peraturan yang melibatkan ekonomi, hak asasi, pendidikan, dan hubungan antara penganut agama yang berbeza. Dengan mematuhi prinsip-prinsip syariah yang menekankan keadilan, kebajikan, dan keharmonian, Malaysia dapat membina masyarakat yang sejahtera dan harmoni di tengah-tengah kepelbagaian etnik dan agama.

## **5.0 Cabaran Memenuhi Kesejahteraan Ummah melalui Fiqh Kesejahteraan dan Toleransi**

Walaupun fiqh menyediakan panduan dan prinsip yang jelas dalam menciptakan kesejahteraan sosial dan keharmonian ummah, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi dalam usaha untuk melaksanakan nilai-nilai ini dalam masyarakat moden. Salah satu cabaran utama ialah penafsiran dan aplikasi fiqh dalam konteks semasa. Fiqh, sebagai hukum yang berkembang dari al-Qur'an dan Hadis, adalah sistem yang sangat bergantung kepada konteks sejarah dan sosial zaman penurunannya. Oleh itu, menerapkan prinsip-prinsip fiqh dalam konteks masyarakat global yang semakin kompleks memerlukan kefahaman yang lebih mendalam mengenai dinamik sosial dan budaya semasa. Kekurangan keseragaman dalam penafsiran fiqh, di mana pandangan yang berbeza antara mazhab dan ulama boleh menyebabkan ketidakselarasan dalam pengamalan fiqh yang bertujuan untuk mencapai kesejahteraan sosial. Ketidaksepakatan ini boleh menyebabkan masyarakat sukar mencapai matlamat yang sama dalam melaksanakan kesejahteraan ummah (Kamali, 2008).

Selain itu, perbezaan antara hukum syariah dan undang-undang negara juga menjadi cabaran besar dalam melaksanakan fiqh dalam konteks moden. Malaysia, sebagai contoh, pengamalan sistem undang-undang dual, di mana terdapat sistem undang-undang sivil yang digunakan untuk semua warganegara, dan sistem undang-undang syariah yang hanya terpakai kepada umat Islam dalam hal-hal tertentu, seperti perkahwinan dan warisan. Walaupun wujud usaha untuk menyelaraskan kedua-dua sistem ini, terdapat perbezaan dari segi interpretasi, pelaksanaan, dan penguatkuasaan yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. Hal ini juga menyukarkan usaha untuk mencapai kesejahteraan sosial yang adil, terutamanya bagi golongan minoriti dan mereka yang terpinggir oleh sistem undang-undang yang wujud (Ahmad, 2007).

Cabaran lain ialah penguatkuasaan undang-undang yang tidak konsisten. Walaupun fiqh menggariskan prinsip-prinsip yang jelas untuk memastikan kesejahteraan sosial, penguatkuasaan undang-undang syariah seringkali tidak konsisten, terutama di kawasan-kawasan luar bandar atau dalam kalangan masyarakat yang kurang mendapat pendidikan mengenai undang-undang Islam. Sebagai contoh, kesedaran dan kefahaman mengenai zakat, amal kebajikan, dan tanggungjawab sosial yang rendah, terutamanya dalam kalangan mereka yang kurang bernasib baik atau terpinggir. Tanpa penguatkuasaan yang berkesan dan berterusan, nilai-nilai fiqh yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan ummah tidak dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang nyata (Ahmad, 2007).

Selain itu, perubahan sosial dan ekonomi yang cepat juga menjadi cabaran dalam memenuhi kesejahteraan ummah melalui fiqh. Masyarakat moden yang semakin berkembang dengan teknologi dan globalisasi seringkali menghadapi isu-isu seperti kesenjangan ekonomi, kemiskinan bandar, dan pengangguran, yang tidak dijangka dalam konteks fiqh yang tradisional. Oleh itu, fiqh perlu diadaptasi untuk menangani masalah-masalah baru yang muncul dalam masyarakat hari ini, seperti kemiskinan bandar, perubahan iklim, dan ketidakseimbangan ekonomi global yang memberi impak negatif kepada golongan yang kurang berkemampuan (Esposito, 2003).

Cabaran terakhir adalah toleransi dan interaksi antara agama. Di negara yang majmuk seperti Malaysia, di mana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan etnik, fiqh yang berasaskan nilai Islam sering kali sukar diterima oleh golongan bukan Islam. Hal ini boleh menimbulkan ketegangan sosial apabila prinsip-prinsip fiqh yang melibatkan kehidupan bersama masyarakat bukan Islam diterima atau dipertikaikan. Walaupun dalam fiqh terdapat banyak nilai yang boleh menyumbang kepada keharmonian sosial, seperti saling hormat menghormati dan berbuat baik kepada jiran, perbezaan agama dan budaya sering menjadi halangan besar dalam mencapai kesejahteraan sosial yang diimpikan oleh semua lapisan masyarakat (Kamali, 2008).

Secara keseluruhannya, walaupun fiqh menyediakan panduan yang lengkap untuk mewujudkan kesejahteraan sosial, cabaran-cabaran ini memerlukan perhatian yang serius daripada pihak pemerintah, ulama, dan masyarakat itu sendiri untuk memastikan nilai-nilai fiqh dapat dilaksanakan secara efektif dalam konteks semasa.

## 6.0 Kesimpulan

Fiqh kesejahteraan dan toleransi beragama adalah konsep penting dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan sosial, terutama dalam negara yang berbilang agama dan etnik seperti Malaysia. Fiqh kesejahteraan merujuk kepada prinsip Islam yang bertujuan mencipta masyarakat adil, aman, dan sejahtera. Ia meliputi hubungan antara individu dengan masyarakat, dengan menekankan tanggungjawab sosial, keadilan, kasih sayang, dan saling menghormati. Fiqh toleransi beragama pula memainkan peranan dalam mewujudkan masyarakat harmoni di mana setiap individu, tanpa mengira agama atau latar belakang, hidup bersama dengan saling menghormati (Ibrahim, 2019).

Di Malaysia, fiqh toleransi beragama mendorong penerimaan terhadap kepelbagaian agama dan budaya, serta kerjasama antara agama untuk mencipta negara yang sejahtera. Namun, terdapat cabaran dalam melaksanakan fiqh ini, seperti perbezaan penafsiran fiqh antara ulama dan mazhab, serta ketidakseimbangan antara undang-undang syariah dan negara. Masalah ini menimbulkan kekeliruan dalam pelaksanaan fiqh dalam konteks sosial semasa. Selain itu, perubahan dinamik sosial dan ketidakseimbangan ekonomi turut mempengaruhi usaha mencapai kesejahteraan ummah.

Untuk mengatasi cabaran ini, fiqh perlu disesuaikan dengan perubahan zaman, dan interaksi antara agama memerlukan toleransi dan kefahaman mendalam. Kerjasama antara pihak berkuasa, ulama, dan masyarakat adalah penting dalam memastikan fiqh kesejahteraan dan toleransi beragama dapat diterjemahkan dengan berkesan dalam kehidupan seharian.

## Rujukan

- Abdurrahman, A. (2015). *Fiqh Kesejahteraan: Pendekatan Syariah dalam Mewujudkan Kehidupan Sejahtera*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka.
- Ahmad, A. (2007). *Islamic Law and Society in Malaysia: A Study of Shariah Law's Role in National Politics*. University of Malaya Press.
- Al-Nawawi, I. (2016). *Fiqh dan Keharmonian Sosial: Sumbangan Syariah dalam Masyarakat Multikultural*. Kuala Lumpur: Pustaka Amanah.

- Al-Qaradawi, Y. (2001). *The Lawful and the Prohibited in Islam*. London: Islamic Book Trust.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh Al-Awlawiyat*. Cairo: Al-Maktab Al-Islami
- Al-Qur'an, Surah Al-Baqarah, 2:256.
- Esposito, J. L. (2003). *Islam: The Straight Path*. London: Oxford University Press.
- Ibn Hajar, A. (2002). *Fath al-Bari: Commentary on Sahih al-Bukhari*. Cairo: Dar al-Ma'arif.
- Ibrahim, M.Y. (2019). Amalan Toleransi Beragama Menurut Maqasid Syariah. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 01-10.
- Kamali, M. H. (2008). *Islamic Law: An Introduction*. London: Oxford University Press.
- Muhammad, S. (2013). *Tolerance and Religious Pluralism in Islamic Perspective*. Cairo: Al-Azhar University Press.
- Nik Mustapha, N.H (2001) *Kaedah Pengagihan Zakat Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Nasir, M. (2018). *Toleransi Beragama dalam Hukum Islam: Perspektif dan Aplikasi dalam Masyarakat Majmuk*. Jakarta: Pustaka Al-Furqan.
- Omar, A. (2015). *Shariah Law in Malaysia: Development and Issues*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ramadan, T. (2004). *Western Muslims and the Future of Islam*. London: Oxford University Press.